

**Pengajaran Moral Melalui Perjanjian Antara Pemerintah dan Diperintah:
Estetika Sejarah dan Visi Tun Seri Lanang**

*Teaching Morality Through the Covenant Between Rulers and the Ruled:
Historical Aesthetics and the Vision of Tun Seri Lanang*

*Nagesvari Paramasivan
shakti.nagesvari@usm.my
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia.*

Received: 15 April 2024; Published: 25 Dec 2024

Paramasivan, N. (2024). Pengajaran Moral Melalui Perjanjian Antara Pemerintah dan Diperintah: Estetika Sejarah dan Visi Tun Seri Lanang. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 1 - 14. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/189>

ABSTRAK

Pengarang tradisional adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang menyumbang untuk menghasilkan karya sastera tradisional yang berkualiti, sesungguhnya karya mereka mempunyai nilai tersendiri sebelum munculnya sistem percetakan moden. Pengarang tradisional memainkan peranan penting dengan menjadi pendidik atau guru kepada pembaca dari kalangan rakyat jelata. Objektif penulisan makalah ini adalah untuk membentangkan peranan Tun Seri Lanang sebagai seorang guru yang mengajar pelbagai aspek moral, sejarah, ekonomi, sains politik, budaya dan adat istiadat. Di samping itu, unsur-unsur estetika yang menghiburkan pembaca melalui imaginasi dan gaya bahasa yang indah telah dipersembahkan dengan berkesan. Permasalahan kajian ialah sejauh mana pengajaran beliau dalam teks ini masih relevan kepada masyarakat madani Malaysia secara khusus dan amnya di peringkat global. Kajian menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif deskriptif. Kaedah pengumpulan data termasuk menggunakan sumber maklumat perpustakaan. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan mengaplikasikan teori kepengarangan yang dibawa oleh Muhamad Haji Salleh sebagai kedah analisis deskriptif karya *Sulalatus Salatin*. Dapatan analisis teks kajian menunjukkan bahawa setiap aspek sejarah dan sastera yang terkandung dalam teks ini masih relevan kepada generasi muda untuk diikuti, dipelajari dan dijadikan karya yang wajib dibaca oleh setiap rakyat Malaysia. Visi Tun Seri Lanang untuk menulis sebuah karya sebagai satu rujukan dan peringatan kepada generasi akan datang telah dicapai dalam karya ini. Karya ini mewujudkan satu rasa kemegahan betapa hebatnya kerajaan Melayu Melaka sebelum kedatangan pihak penjajah dan juga mempelajari nilai-nilai kemanusiaan yang menjadi tunjang kehidupan manusia sepanjang zaman.

Kata kunci: Tradisional, Sejarah, Kepengarangan, Estetika

ABSTRACT

The traditional author is one of the members of the community who contribute to the production of high- quality traditional literary works; indeed, their works had a value of their own even before the advent of modern printing systems. Traditional authors play an important role by acting as educators or teachers for the common people readers. The aim of this article is to present the role of Tun Seri Lanang as a teacher who imparts various aspects of morality, history, economics, political science, culture and customs. It also effectively portrays aesthetic elements that entertain the reader through imagination and beautiful language style. The research issue is to what extent his teachings in this text remain relevant

to Malaysian society in particular and to the globally at large. The study employs a descriptive qualitative research approach. Data gathering methods include utilizing library resources. The method of analysis used in this study is by applying the theory of authorship brought by Muhammad Hahi Salleh as a descriptive analysis method in Sulalatus Salatin. The findings of the textual analysis of the study show that every aspect of history and literature contained in this text is still relevant to the younger generation to be followed, learned, and made into a mandatory reading for every Malaysian citizen. Tun Seri Lanang's vision to write a work as a reference and reminder to future generations has been achieved in this work. This work creates a sense of grandeur of how great the Malay Melaka kingdom was before the arrival of colonizers and also learns the humanitarian values that have been the foundation of human life throughout the ages.

Keywords: Traditional, History, Authorship, Aesthetics.

PENGENALAN

Karya-karya tradisional mengumpul ilmu pengetahuan yang terbaik, untuk generasi akan datang. Menurut Muhammad Haji Salleh (1995:18-19), karya-karya tradisional merangkumi pelbagai pemerian keadaan, contoh manusia yang berjaya, “orang jahat” yang tergelincir dari landas nilai masyarakatnya serta beratus-ratus nasihat untuk mengekalkan hubungan antara manusia serta menjaga perasaan orang lain. Selain itu, tidak dilupakan pemerian tentang kehidupan dan teknologi bangsa itu, ilmu seni bina istana dan taman, pertukangan emas dan perak, perkapalan dan pengurusan kota dan desa. Di puncak ilmu itu diagungkan keperibadian manusia yang baik dan raja yang adil dan saksama. Nilai-nilai seperti inilah yang meletakkan kejayaan bangsa dan negara itu. Perkara yang menarik dalam kesusasteraan tradisional ini ada pelbagai, salah satunya ialah dalam kesusasteraan tradisional ini ada satu genre sastera yang memuatkan unsur sejarah iaitu sastera sejarah. Peristiwa dan rakaman sejarah dalam karya sastera sejarah disulami dengan pelbagai estetika sastera dan imaginasi pengarang. Karya-karya sastera sejarah mengandungi unsur-unsur sejarah dan pada masa yang sama mengekalkan unsur-unsur sastera. Sastera sejarah ini begitu banyak dalam Kesusasteraan Melayu dan judulnya diperkenalkan seperti hikayat, salasilah, sulalatus dan misa.

Sulalatus Salatin yang tergolong dalam karya sastera sejarah merakamkan kehidupan raja-raja Melayu, asal-usul raja dan negeri (sejarah), adat-istiadat yang diamalkan dalam perhubungan antara raja dan rakyat, peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar jajahan takluk kerajaan berkaitan dan sebagainya (Ali Ahmad, 1987:9). Karya agung ini dipercayai dikarang dalam abad ke-16 oleh Tun Seri Lanang atau nama sebenarnya Tun Muhamad. Maklumat dan latar belakang Tun Seri Lanang amat terhadap untuk dikembangkan. Hal ini kerana pengarang tradisional selalunya tidak mencatatkan nama mereka dalam karya yang dikarang. Hal ini kemungkinan pada ketika itu hanya terdapat seorang atau beberapa orang pengarang dari istana dan mereka dikenali dalam kalangan rakyat. Maka pengarang tidak menurunkan namanya dalam karya-karya yang dihasilkan. Pelbagai persoalan ditimbulkan berhubung dengan kedudukan Tun Seri Lannag untuk diterima sebagai pengarang *Sulalatus Salatin* yang sebenar. Menurut Mana Sikana (2007), Tun Seri Lanang adalah penulis asal teks ini dan menyangkal pandangan R.O Winsteadt yang meragui kebenaran Tun Seri Lanang sebagai pengarang *Sulalatus Salatin*. Maklumat terpenting tentang Tun Seri Lanang terdapat dalam mukadimah beberapa versi bercetak termasuk *Sejarah Melayu* edisi Shellabear (pertama diterbitkan 1898) dan dalam *Sulalatus Salatin* yang diselenggarakan pengeditan oleh A. Samad Ahmad (pertama kali diterbitkan pada tahun 1979), (A. Samad Ahmad (ed.), 2000:2);

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota fakir *alladzi murakkabun 'ala'l- jahli*, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangnya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Narawangsa, piut Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam, *qaddasa 'llahu sirrahum* Melayu bangsanya, dari Bukit Si Gantang Mahameru, Malakat negerinya, Batu Sawar Darussalam.

Sulalatus Salatin telah dihasilkan oleh Tun Seri Lanang atas perintah raja. Perintah tersebut berbunyi (A. Samad Ahmad (ed), 2000:2);

Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa. Barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingati oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah daripadanya.

Perintah sultan ini menjelaskan bahawa sebuah hikayat telah pun ditulis oleh seseorang dan Tun Seri Lanang diperintahkan untuk memperbaikinya karya yang dibawa dari Goa untuk rujukan generasi akan datang. Tun Seri Lanang merupakan seorang bendahara kerajaan Johor, beliau mengarang karya Sejarah Melayu *Sulalatus Salatin* atas permintaan Sultan Abdullah. Mukadimah *Sulalatus Salatin* mencatatkan bahawa arahan untuk memperbaiki hikayat Melayu itu datangnya dari Raja Abdullah (kemudian bergelar Sultan Abdullah Maayah Syah). Arahan itu berbunyi, (A. Samad Ahmad (ed.), 2000:2-3);

“Bahawa hamba minta diperbuat hikayat pada Bendahara pada menyatakan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya supaya didengar oleh anak-cucu kita yang kemudian dan kita dan diketahuilahnya segala perkataan, syahdan beroleh faedah mereka itu daripadanya.”

Menurut Siti Hawa Salleh (1988:25), Tun Seri Lanang bukan sahaja memperbaiki teks asal tetapi memegang peranan yang lebih penting lagi antaranya ialah seperti dalam kutipan di bawah ini;

Beliau penyemak fakta, pengabsah (kedua-duanya merujuk kepada orang-orang tua yang masih ingat akan ketepatan sesuatu peristiwa atau sebagainya; ahli bahasa, perunding tentang adat-istiadat, kepercayaan dan sebagainya. Akhirnya beliau menyelaraskan gaya bahasa keseluruhan teks yang dahulunya ditulis dalam gaya tersendiri oleh setiap pencatat.

Kutipan ini menjelaskan bahawa Tun Seri Lanang merupakan seorang genius Melayu yang berjaya menghasilkan sebuah khazanah sastera Melayu yang diiktiraf di arena antarabangsa. Kebolehannya yang memegang pelbagai peranan dalam menyempurnakan penulisan *Sulalatus Salatin* telah membuktikan bahawa beliau merupakan pengarang tradisional yang berjaya menjadi tenaga pengajar kepada seluruh pembaca di sepanjang zaman. Dalam karya ini, Tun Seri Lanang berperanan sebagai pengarang istana yang mengarang untuk generasi akan datang. Pengarang menjadi seorang guru yang mengajar masyarakat tentang pelbagai aspek dari segi ekonomi, politik, sosial, budaya dan lain-lain. Tun Seri Lanang berjaya menampilkan dirinya sebagai seorang guru yang mengajar sejarah, budaya, tradisi, moral, adat-istiadat, politik, ekonomi dan menjadikan teks klasik ini sebagai satu cerminan masyarakat pada ketika itu.

Kepentingan naskhah ini terbayang dalam pemilihan orang yang diserahkan untuk mengarangnya. Orang yang dipilih dianggap faham akan segala hal-ehwal dalam masyarakat dan kehidupan istana. Bendahara merupakan orang yang paling arif tentang segala perincian adat, pantang larang dan undang-undang yang dibuat oleh golongan pemerintah, maka Sultan

Abdullah memilih bendahara Tun Seri Lanang sebagai pengarang sebuah kitab Melayu yang akan membentangkan peraturan raja-raja dan istiadat. Tun Seri Lanang merangkap tugas sebagai pengarang, pencerita, pemberi maklumat dan juga sebagai seorang guru kepada generasi akan datang melalui karya ini. Motif *Sulalatus Salatin* dikarang untuk mengangkat martabat dan keunggulan Kesultanan Melayu Melaka untuk diketahui generasi akan datang. Karya sastera sejarah ini merakam kehidupan masyarakat tradisi Melayu yang terikat dengan konvensi, adat, budaya, agama, cinta, hubungan kekeluargaan, pelbagai perasaan seperti marah, dengki, cinta, sayang, khianat, takdir, nasib baik buruk dan kegembiraan (Mohd Taib Osman, 1975: v-vi).

Menurut Howard (2017), kehidupan atau latar belakang penulis boleh menyebabkan karya sastera tercipta, dengan demikian memberi pengaruh terhadap sastera yang dihasilkan. *Sulalatus Salatin* merupakan sebuah karya sastera sejarah yang panjang dan mengandungi siri kisah-kisah tentang kehidupan para pemerintah dan diperintah yang disulami dengan kreativiti Tun Seri Lanang. Unsur-unsur cerita dongeng, mitos, lagenda dan sejarah diadun dengan berkesan untuk tatapan pembaca. Karya agung ini memiliki dunianya sendiri yang merupakan hasil pemerhatian penulis terhadap kehidupan yang diciptakan oleh penulis sendiri dalam bentuk teks sastera yang berguna untuk dinikmati, difahami dan dimanfaatkan oleh masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kualitatif deskriptif. Penyelidikan deskriptif melibatkan penyampaian dapatan penyelidikan yang telah dilakukan. Kajian ini dikategorikan sebagai deskriptif kerana data yang dikumpul bertujuan untuk mengenal pasti dan menggambarkan subjek penyelidikan (Nassaji, H. 2015). Penyelidikan deskriptif kualitatif berusaha untuk memberikan penerangan, penjelasan, dan jawapan yang terperinci terhadap isu-isu yang sedang dikaji dengan penyelidikan secara menyeluruh. Data dikumpulkan melalui teknik membaca teks *Sulalatus Salatin*.

Makalah ini menggunakan teknik analisis data yang memerlukan interpretasi deskriptif. Maka teori kepengarangan yang digagaskan oleh Muhamad Haji Salleh digunakan sebagai kaedah analisis kualitatif. Persoalan pengarang dan kepengarangan dalam kesusasteraan Melayu klasik amat sedikit dibicarakan, berbanding dengan perbincangan dalam aspek-aspek yang lain seperti teks, genre, pensejarahan malah pemikiran pengarang lewat karya-karyanya. Hal ini berlaku kerana karya-karya sastera Melayu klasik telah lahir pada masa dan persekitaran budaya yang amat berpengaruh dalam mencorakkan proses dan produk daripada tradisi kepengarangan Melayu, khususnya dalam konteks zaman yang dibicarakan ini.

Pengarang tradisional mula mengarang sesebuah karya dengan mempunyai dua tujuan utama, pertama bertanggungjawab menyumbangkan sesuatu bagi golongan yang menjadi generasi terkemudian. Bahan penulisannya menyanjung, mengekalkan martabat, mengesahkan kuasa dan kedudukan golongan raja melalui pelbagai cara. Tulisan-tulisan ini juga memberi pengajaran dan faedah kepada orang-orang yang datang selepasnya. Dalam tahun 1980-an, teori kepengarangan dalam kesusasteraan Melayu tradisional mendapat perhatian yang serius daripada sarjana Malaysia. Usaha Muhammad Haji Salleh misalnya telah menyingkap beberapa perspektif baharu ke arah pengajian tersebut. Beliau telah menyatakan pandangan mengenai pengarang dan kepengarangan dalam kajian ke atas *Hikayat Isma Yatim* dari segi teori seorang pengarang, fungsinya, kejayaan dan estetikanya dan cuba membongkar rahsia yang menyelubungi “yang empunya cerita”, “pujangga” atau “sahibul-hikayat” yang membingungkan itu.

Bagi Muhammad Haji Salleh (2000:180), istilah “pengarang” membawa maksud yang berbeza-beza bagi pengarang tradisional dan pengarang moden. Pengarang Melayu tradisional muncul daripada suatu konteks istana atau rakyat, maka sifat pengarang lut sinar sifatnya. Dalam konteks sastera Melayu tradisional sebelum abad yang ke-19, mereka yang terlibat dalam proses menyusun, mengarang, menyurat, menyalin dan membaiki itu dianggap sebagai “pengarang” dalam pengertian yang longgar, kecuali pengarang ulama mulai zaman Aceh, kebanyakannya pengarang Melayu tidak menurunkan nama mereka dan pengarang ini juga tidak menuntut hak cipta ke atas karya mereka tanpa mengira sama ada karya itu telah diusahakan sendirian atau bersama-sama dengan pengarang lain (Ding Choo Ming, 1996:26-41). Disebabkan sesebuah karya itu dikarang mengikut konvensi, maka masalah unsur keaslian karya tidak dipentingkan. Walaupun unsur keindividualan tetap ada. Selain itu, karya-karya masa itu telah dikarang atas “perintah” penaung seperti tukang yang membuat barang-barang pesanan pada masa kini (Ding Choo Ming, 1996:26-41). Nama pengarang Melayu tradisional tidak dikenali dan tidak dipentingkan kerana karya itu tidak dianggap sebagai ciptaan pengarang secara individu tetapi sebagai barangan sosial dan pengarang sekadar pembuat cerita. Di dalam kesusasteraan Melayu tradisional nama pengarang tidak diturunkan mungkin disebabkan oleh keadaan dalam sesebuah kampung ataupun istana biasanya hanya terdapat seorang dua pengarang atau penyalin. Walaupun tanpa menurunkan namanya, pengarang itu dikenali melalui tulisannya (Muhammad Haji Salleh, 2000:184). Pandangan Muhammad ini amat bersesuaian dalam penghasilan karya agung *Sulalatus Salatin*. Hal ini kerana, permintaan Sultan Abdullah kepada Tun Seri Lanang untuk menulis sebuah hikayat sudah tentu diketahui oleh golongan pentadbir dan disebarkan kepada khalayak dan pada masa yang sama hanya Tun Seri Lanang merupakan seorang Bendahara pada ketika itu yang merangkap tugasnya sebagai penulis istana. Oleh itu, walaupun Tun Seri Lanang tidak menurunkan namanya secara jelas tetapi rakyat jelata ataupun pembaca ketika itu sudah pasti mengenali Tun Seri Lanang sebagai pengarang *Sulalatus Salatin*.

Sastera Melayu tradisional bukan sahaja sebagai bahan hiburan untuk mengubati hati yang duka lara tetapi pengarang tradisional juga menjadi pengajar dalam hal-hal yang membantu manusia dan masyarakatnya. Muhammad Haji Salleh turut menjelaskan bahawa pengarang juga berfungsi sebagai penghibur (2000:232). Walaupun penglibatannya bukanlah seperti panglipur lara tetapi Tun Seri Lanang dalam *Sulalatus Salatin* tetap menyelitkan unsur hiburan yang bersifat intelektual dan membawa kepada pemikiran yang tinggi. Nilai-nilai dasar, kehalusan cara berinteraksi antara manusia dan seni, contoh manusia yang disanjung dan baik serta juga pengetahuan yang melancarkan perjalanan kampung dan negeri (terutama sekali) disalurkan melalui karya-karya yang mementingkan suatu gambaran masyarakat dan manusia unggul sebagai pengukur untuk pembaca dan pendengar (Muhammad Haji Salleh: 1995:16).

Menurut Muhammad Haji Salleh dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* (2000:228), “pengarang cuba mengajar, mendidik dan membimbing pembaca” pendapat beliau ini menjelaskan bahawa fungsi utama seorang pengarang ialah dengan menjadi seorang guru dan mengajar serta membimbing masyarakat supaya kesilapan dan kesalahan yang dilakukan oleh generasi lepas yang digambarkan dalam sesebuah karya tidak akan diulang oleh generasi akan datang. Muhammad menambah lagi;

Misalnya *Sulalat al-Salatin* bukan sahaja memperlihatkan pengajaran moral dalam kebanyakan kisahnya, tetapi seluruh karya itu menjurus kepada suatu makna yang besar bahawa bangsa yang tidak mengurus manusianya dengan baik, ada yang melupakan tanggungjawab, akhirnya musnah dan negaranya dikalahkan. Kezaliman akan meruntuhkan tiang dan lantai istana, betapa pun tinggi tamadun itu.

Selain itu tugas pengarang adalah untuk menyampaikan ilmu yang ada padanya kepada masyarakat yang membaca karya ini. Sebagai pengarang istana, Tun Seri Lanang dapat melihat sendiri adat-istiadat yang berlangsung, dengan itu beliau pasti mempunyai pengetahuan yang lebih luas tentang sesuatu upacara istana. Pengetahuan yang beliau peroleh itu akan disampaikan oleh beliau dalam bentuk tulisan agar mudah sampai kepada pembaca.

Imej pengarang dulu yakni pengarang tradisional dari kalangan orang istana ialah, orang yang luas pengetahuan dan menghasilkan karya yang dikehendaki khalayak, pembaca, terutamanya penaung di istana (Ding Choo Ming, 1995:21). Pengarang tradisional berkarya di bawah sistem pernaungan dan mereka tidak menurunkan nama masing-masing dalam karya yang mereka hasilkan. Karya-karya pada masa itu dianggap sebagai milik masyarakat kolektif dan bukannya barangan milik pengarang secara individu (Ding Choo Ming, 1995:21). Menurut Ding Choo Ming lagi, kerja mengarang bagi pengarang tradisional lebih bersifat sebagai kemahiran pertukangan dan karya itu lebih berupa hasil campuran di antara daya cipta pengarang, konvensi sastera dan ilham daripada kuasa Tuhan.

Kajian tentang pengarang dan kepengarangan dalam sastera Melayu tetap boleh dibuat walaupun kebanyakan sastera Melayu tradisional itu anonim (Ding Choo Ming, 1995:27). Sebab pertamanya ialah, “nama pengarang cuma salah satu daripada fungsi pengarang”. Kedua, “nama pengarang tidak harus dipandang sebagai merujuk kepada nama orang individu sahaja, tetapi dikaitkan dengan wacana, konvensi sastera dan faktor sosial yang lain”. Ketiga kebanyakan “karya menjadi terkenal kerana mutunya” selain daripada menarik dan istimewa (Ding Choo Ming, 1995:27). Maka, walaupun kebanyakan hasil sastera Melayu tradisional tidak mempunyai nama pengarang, isu kepengarangan karya-karya itu tetap dapat dikaji dalam konteks tradisi sastera semasa. Masyarakat masa lampau lebih mementingkan karya daripada hak dan martabat pengarang dan tidak memberi pengiktirafan kepada orang individu sebagai pengarang karyanya, dan karya itu diedarkan tanpa nama pengarangnya.

Mengikut Noriah Taslim (1993:163), dalam bukunya *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional* seorang pengarang tradisional hanya berasa selesa untuk menyampaikan ceritanya dengan cara yang ditetapkan iaitu cara yang diterima oleh masyarakatnya. Pengarang istana amat terbelenggu oleh khalayak. Manuskrip-manuskrip ditulis untuk dibacakan bukan sahaja kepada golongan elit tetapi juga kepada masyarakat umum (1993:163). Maka, fungsi seorang pengarang adalah untuk “menulis sebuah hasil sastera yang diiktiraf dan diterima oleh khalayak. Seni yang dipersembahkan perlu dihayati secara kolektif.” Masyarakat tradisional bertindak atas apa yang dibahaskan. Pendapat Noriah Taslim, ini menjelaskan lagi bahawa pengarang tradisional mempunyai tanggungjawab untuk memberikan suatu hasil sastera yang terbaik yang mengandungi nilai-nilai murni, keagungan golongan pemerintah, jurai keturunan pemerintah, memberi pengajaran moral, hukum-hakam dan adat istiadat masyarakat pada ketika itu. Dalam situasi yang sebegini beliau menjelaskan bahawa (1993:163),

...tidak mungkin seorang pengarang tradisional akan menghasilkan karya seni yang menyimpang daripada model-model budaya tanpa mengancam pengecaman, pemaknaan dan penerimaan khalayak. Jadi pengarang istana bukan sahaja menulis untuk memenuhi permintaan dan kehendak sultan tetapi juga sebagai suatu hasil yang akan memberi manfaat kepada rakyat yang membaca karya itu.

Dengan demikian pengarang tradisional memegang peranan penting dengan menjadi seorang pendidik atau guru kepada para pembaca dari kalangan rakyat. Di sini pengarang tradisional harus berhati-hati dengan setiap penyampaiannya supaya tidak mengelirukan atau memesongkan akidah dan pandangan hidup masyarakat pada ketika itu. Fungsi pengarang

tradisional sebagai guru dapat diterima oleh masyarakat pada ketika zaman lahirnya karya itu sehingga kini disebabkan kebijaksanaan para pengarang tradisional yang mengadunkan unsur sejarah, pengajaran moral serta pengamalan adat istiadat dalam satu karya.

TUN SERI LANANG SEBAGI GURU

Dalam membincangkan teori kepengarangan Melayu, didapati bahawa setiap pengarang zaman tradisi memegang tanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran dan memberikan panduan nasihat kepada raja-raja dan keturunan orang Melayu yang akan datang termasuk untuk pembaca kontemporari. Dalam *Sulalatus Salatin* di bahagian mukadimahnyanya jelas terpancar salah satu motif penulisannya adalah untuk, “Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya” (A. Samad Ahmad (ed), 2000:2).

Dalam bidang kesusasteraan, moral dapat didefinisikan sebagai pengajaran baik yang dipaparkan melalui cerita atau peristiwa dalam sesebuah karya itu. Contohnya cerita lisan seperti cerita rakyat dikatakan mempunyai unsur didaktik atau moral. Sebagai karya seni, unsur moral atau pengajaran ini dimasukkan secara simbolik atau berlapis. Tujuan unsur moral ini disertakan dalam setiap karya adalah untuk memberi pengajaran dan pendidikan kepada pembaca. Pengajaran moral berlaku secara halus dalam *Sulalatus Salatin* iaitu dalam bentuk sindiran, tersirat dan secara tidak langsung dengan menyelitkan nilai moral dan agama dalam wasiat raja-raja dan bendahara sebelum kemangkatan mereka. Hal ini diakui oleh Mohd Taib Osman (1975:v-vi), bahawa dalam setiap peristiwa yang diceritakan oleh Tun Seri Lanang terdapat pengajaran moral atau susila yang juga melampaui latar belakang masyarakat atau zamannya. Beliau menambah lagi bahawa, *Sulalatus Salatin* merupakan satu cerita yang dikemukakan mengikut *world view* dan selera masyarakat Melayu sebelum abad ke dua puluh.

Menurut John Gardner (1980: 160), seni atau sastera yang baik adalah sastera atau seni yang berakhlak yakni bermoral. Unsur moral yang diselitkan dalam setiap hasil sastera itu harus memberi manfaat atau membersihkan hidup manusia yang membacanya bukan mengaburi atau mengotori pemikiran pembaca, begitu juga dengan fungsi Tun Seri Lanang sebagai pengarang *Sulalatus Salatin* telah melahirkan sebuah karya agung yang memberi iktibar dalam setiap persoalan yang diangkatkan dan membentuk akhlak yang mulia. Tun Seri Lanang menghasilkan *Sulalatus Salatin*, satu khazanah sastera untuk bacaan rakyat sepanjang zaman.

Kesusasteraan boleh menjadi pengajaran moral yang mendidik. Hal Ini berdasarkan pemerhatian bahawa walaupun karya sastera menunjukkan kepada pembaca kesan dan akibat disebabkan tindakan watak, atau mungkin watak dalam teks menunjukkan kepada pembaca pandangan moral yang lebih umum yang dipegang oleh visi penulis. Watak-watak dalam teks sastera secara umumnya tidak memberikan sebarang justifikasi mengapa tindakan-tindakan tersebut patut dianggap betul atau salah dari segi moral, visi pengarang yang menentukan baik-buruk sesuatu tindakan watak melalui teknik naratif yang meyakinkan pembaca. Tiada keraguan bahawa pembaca masih mungkin memperoleh nilai-nilai moral dan menjadi inspirasi untuk cuba menjadi jenis orang tertentu, mungkin dibantu oleh beberapa kualiti estetika teks tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam situasi yang berlaku kepada keluarga Bendara Seri Maharaja. Tun Seri Lanang telah mempersembahkan visinya untuk melakarkan kisah yang memberi pengajaran moral untuk para pembaca. Kisah dalam *Sulalatus Salatin* ini terdiri daripada pemerintah dan diperintah yang membuat keputusan dan bertindak berdasarkan pemikiran, emosi, dan kehendak mereka, dalam dan di luar rangka normatif moral dan oleh itu setiap kisah boleh dikaji untuk mendedahkan dan memahami isu-isu moralnya. Memahami kisah-kisah dalam teks klasik ini melibatkan kepekaan untuk

memahami situasi yang dialami oleh watak-watak di dalamnya, sekurang-kurangnya dalam beberapa kisah yang akan melibatkan atau memerlukan pemahaman terhadap isu-isu moralnya. Para pembaca yang berbeza-beza mengikut peredaran zaman mempunyai kuasa untuk menginterpretasikan karya yang dibaca dengan situasi politik, ekonomi, kedudukan sosial dan juga tahap keintelektualan semasa.

Pengajaran Berpusatkan Waadat, Daulat, Derhaka dan Tulah

Konsep “waadat” bermaksud satu peraturan yang dipersetujui oleh dua pihak yang berlainan taraf untuk kebaikan kedua-dua pihak. Waadat merupakan landasan yang dijadikan kayu ukur bagi menilai perlakuan dan tata tertib raja-raja dan para pembesar di zaman kegemilangan kerajaan Melaka. Perjanjian ini termeterai antara Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana. Waadat ini secara dasarnya telah menjadi pegangan kepada golongan raja untuk memerintah negara kota Melaka (A. Samad Ahmad (ed), 2000:25);

...perjanjian patik memohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadiahkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku, jangan duli tuanku aibi.”

Maka titah Seri Teri Buana, “Kabulkan hamba akan janji paman itu, tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman.” Maka sembah Demang Lebar Daun, “Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia.” Maka titah Seri Teri Buana, “hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikberatkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga.

Petikan di atas merupakan perjanjian yang menjadi dasar konsep daulat dan derhaka yang melatari perhubungan antara raja dan masyarakat. Dalam *Sulalatus Salatin* kedua-dua pihak mesti patuh di antara satu dengan yang lain. Sekiranya ada di antara kedua-dua pihak tidak mematuhi maka ia akan memberikan kesan buruk kepada pihak yang melanggarnya. Tulah merupakan satu perkara buruk yang menimpa sesiapa yang menderhaka kepada pemerintah atau melanggar waadat. Tulah akan menimpa golongan diperintah sahaja. Manakala “Derhaka” pula merupakan satu tindakan menentang raja atau tidak memberi penghormatan sewajarnya kepada daulat raja itu. Apa sahaja yang dilakukan oleh rakyat yang memperlihatkan ketidaktaatan dan ketidakpatuhan kepada kuasa raja dikategorikan sebagai derhaka. Tindakan atau keputusan yang membelakangkan raja dalam sesuatu acara, walaupun tidak secara sengaja tetap dianggap sebagai sesuatu yang derhaka. Secara langsung konsep derhaka mengekalkan dan menguatkan kedudukan raja dengan daulatnya (S. Othman Kelantan, 1995:52-53).

Faktor utama keruntuhan kerajaan Melayu Melaka adalah disebabkan pelanggaran waadat, pengabaian konsep daulat dan menderhaka. Perjanjian antara pemerintah dan rakyat telah diingkari yang menyebabkan kedua-dua pihak menerima natijahnya dan wujudnya konsep tulah di sini. Walaupun secara fizikal dapat dilihat bahawa kejatuhan Melaka disebabkan oleh serangan Portugis, namun kejatuhan kerajaan ini bukan berlaku dalam sekelip mata tetapi berlaku secara berperingkat-peringkat apabila ada pihak yang mula melanggar waadat yang dipersetujui oleh golongan pemerintah dan golongan diperintah.

Beberapa peristiwa dalam *Sulalatus Salatin* memperlihatkan bagaimana pelanggaran waadat membawa kesan buruk kepada golongan pemerintah dan golongan diperintah. Antara peristiwa yang jelas menunjukkan implikasi buruk akibat pelanggaran waadat ialah episod penderhakaan Sang Rajuna Tapa, pembunuhan Tuan Jana Khattib, pembunuhan Raja Zainal,

hukuman bunuh ke atas Hang Tuah, amukkan Hang Jebat, pembunuhan Tun Ali Sandang, pembunuhan Bendahara Seri Maharaja sekeluarga dan banyak lagi. Setiap episod ini mempunyai hukum sebab dan akibat bersifat timbal balik. Dengan kata lain, dalam menggambarkan setiap perbuatan yang dilakukan terutamanya yang bersifat zalim dan tidak berperikemanusiaan, Tun Seri Lanang telah melakarkan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan watak-watak manusia yang melanggar waadat yang dipersetujui antara golongan pemerintah dan diperintah.

Pelanggaran Konsep Waadat : Singapura Dilanggar Todak

S. Othman Kelantan (1998:77), menjelaskan bahawa, peristiwa yang membawa kepada pengajaran dan kritikan adalah amat halus dalam *Sulalatus Salatin*. Kemunculan golongan intelektual seperti Tun Seri Lanang yang mempunyai pemikiran futuristik berbanding pemikiran masyarakat tradisi ketika itu telah membentuk masyarakat yang unggul. Karya kesusasteraan menjadi nadi dalam mengukuhkan pegangan agama, moral dan keperibadian individu dan masyarakat. Kisah Singapura dilanggar ikan todak merupakan satu episod dalam karya ini yang mengkritik golongan pemerintah yang alpa dengan kuasa dan kedudukan mereka. Pengajaran moral yang dibawa oleh Tun Seri Lanang dalam episod ini adalah, bukan semua yang berkuasa, berpendidikan dan berkedudukan tinggi dapat memberi idea dan cadangan yang bernas dan rasional. Peristiwa Singapura dilanggar todak membentangkan cara pemikiran para pentadbir ketika itu yang tidak bernas yakni mencadangkan berkubukan betis untuk mematahkan serangan ikan todak. Namun seorang budak bernama Hang Nadim yang baru berusia 10 tahun secara bijak telah menandingi keintelektualan para pentadbir ketika itu dengan mencadangkan supaya berkubukan “batang pisang”. Peristiwa ini sepatutnya menginsafkan para pembesar dan memuji kebijaksanaan Hang Nadim, tetapi para pembesar telah cemburu dengan Hang Nadim telah meracuni pemikiran Raja Singapura sehingga baginda membatalkan istiadat penganugerahan dan menitahkan untuk membunuh Hang Nadim. Dalam kisah alegori ini, Tun Seri Lanang membandingkan akal kebijaksanaan seorang budak dengan raja dan para pembesarnya. Raja dan para pembesar gagal dalam usaha mematahkan serangan ikan todak dan pada masa yang sama tidak dapat menerima bahawa seorang budak berusia 10 tahun mempunyai kebijaksanaan yang menandingi mereka. Jika para pembesar mengakui kebijaksanaan dan mengikut cadangan Hang Nadim itu sudah pasti nyawa penduduk yang berkubukan betis dapat diselamatkan dan mereka juga tidak akan kehilangan seorang anak muda yang pintar yang mungkin berpotensi menjadi seorang pentadbir di masa depan.

Akibat Khianat: Singapura Dikalahkan Majapahit

Menurut Ali Ahmad (1987:51) “Raja mempunyai tanggungjawab untuk memelihara maruah rakyat iaitu tidak difadhilatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat dan sebaliknya hanya boleh dihukum bunuh mengikut kehendak syarak,” Rakyat pula mempunyai kewajiban untuk tidak derhaka kepada raja walau betapa jahat dan zalim sekalipun raja itu. Sekiranya pihak pemerintah dan anak buahnya memungkirkan perjanjian ini, maka akan bubarlah ikatan tersebut. Kedua-dua pihak mengakui kesetiaan janji dan bertakawal (A. Samad Ahmad (ed), 2000:26). Di dalam perjanjian antara pemerintah dan diperintah, waadat yang termeterai haruslah dipegang supaya tidak ada pihak yang cuba untuk mengubahnya. Suara terawal yang membayangkan kesedaran akan kepentingan diri sebagai individu adakah suara keras Sang Rajuna Tapa. Sang Rajuna Tapa adalah watak hamba yang terawal dalam *Sulalatus Salatin* yang bertindak di luar garis-garis tertib seorang rakyat (Noriah Taslim,1995:13).

Pelanggaran waadat antara dua pihak dapat dilihat dalam petikan ini, (A. Samad Ahmad (ed), 2006:69),

Jikalau sungguh sekalipun anak hamba berbuat jahat, bunuhlah ia; mengapakah diberi malu demikian?" Hatta, maka Sang Rajuna Tapa pun berkirim surat ke Majapahit, demikian bunyinya, "Sang Rajuna Tapa, Bendahari Raja Singapura empunya sembah kepada Betara Majapahit, jikalau Betara hendak mengalahkan Singapura, segeralah datang, hamba ada belot dalam negeri.

Rungutannya adalah reaksi bantahan seorang individu yang berasa tidak adil kerana maruah anaknya dicemarkan. Sang Rajuna Tapa sedia maklum akan batasan kuasa seorang raja ke atas hambanya dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan harga diri seorang hamba Melayu yang sepatutnya dihormati raja. Disebabkan beliau tidak boleh melawan raja secara fizikal maka Sang Rajuna Tapa berfikir dan menggunakan akalinya untuk mengambil kesempatan terhadap keadaan politik Singapura yang bermusuhan dengan Majapahit. Jelas Sang Rajuna Tapa bukannya seorang hamba yang pasif, yang mengalah kepada takdir dan menyerah hidupnya kepada ketentuan raja. Dia bertindak mengingkari waadat untuk menebus maruah anaknya yang dimalukan di khalayak ramai. Dia mempunyai kewibawaan dan harga diri dan tidak membenarkan walaupun seorang raja merampasnya (Noariah Taslim, 1995:13). Dalam episod ini, bukan Sang Rajuna Tapa sahaja yang melanggar waadat tetapi juga Raja Iskandar Syah yang mendengar fitnah daripada gundiknya yang mengatakan anak Sang Rajuna Tapa telah berzina. Waadat menggariskan bahawa walaupun seseorang hamba melakukan kesalahan tetapi tidak boleh dimalukan di khalayak ramai.

Dalam hal ini kedua-dua pihak menerima balasan yang setimpal. Walaupun Sang Rajuna Tapa bertindak mengkhianati raja untuk menebus maruah anaknya yang diperlakukan tidak secara adil, namun dia tetap melanggar waadat. Dia menerima balasan dengan menjadi batu, (A Samad Ahmad (ed), 2000:70),

Adapun akan Sang Rajuna Tapa, dengan takdir Allah Taala menunjukkan kuasa-Nya, baharu hendak mengambil beras, tiba-tiba rengkiang beras itu pun terbalik, jatuh ke parit, kaki tiangnya ke atas dan bumbungnya ke bawah, Sang Rajuna Tapa jatuh tersungkur di tengah parit itu, laki bini menjadi batu, ada datang sekarang dengan beras itu.

Manakala Sultan pula mendapat balasan apabila negerinya dikalahkan dan ditawan oleh Majapahit dan Sultan Iskandar Syah terpaksa melarikan diri ke Muar. Kedua-dua pihak mendapat balasan akibat melanggar waadat. Di sini Tun Seri Lanang berperanan sebagai seorang guru moral yang mengajar bahawa sikap menindas dan mengambil kesempatan terhadap kelemahan orang lain akan membawa kesan negatif kepada diri sendiri. Selain itu sebagai seorang Raja dan pentadbir yang berwibawa Sultan Iskandar Syah sepatutnya menyiasat kebenaran tohmahan yang disebar oleh gundiknya. Kedua-dua watak iaitu Sang Rajuna Tapa dan Sultan Iskandar Syah mencerminkan sikap dan sifat yang tidak patut dicontohi oleh generasi terkemudian. Dengan ini, Tun Seri Lanang mengingatkan pembaca bahawa walaupun seorang itu dari golongan pemerintah atau golongan diperintah tetap akan mendapat balasan jika melakukan kejahatan dan menindas manusia lain.

Memegang Waadat: Langkah Menyelamatkan Negara

Sultan Mansur Syah mangkat dan digantikan oleh Raja Hussain dengan gelaran Sultan Alaud-Din Riayat Syah. Baginda terkenal sebagai seorang pemerintah yang adil dan saksama, bertimbang rasa dan berani. Sultan Alauddin sentiasa mengambil berat tentang negara dan

rakyatnya, salah satu peristiwa yang menampilkan kewibawaan baginda sebagai seorang pemerintah yang berkaliber adalah apabila baginda sendiri mengambil langkah untuk menamatkan gejala rompakan dan kecurian yang mengganggu ketenteraman rakyat Melaka ketika itu. Baginda menyamar seperti orang biasa dan menjalankan rondaan pada waktu malam dan berjaya membunuh para pencuri yang sedang mengusung sebuah peti. Melalui penampilan watak Sultan Alauddin, Tun Seri Lanang mengajar nilai moral yang sepatutnya tersemam dalam kalangan pemerintah iaitu bertanggungjawab, amanah, adil dan berani. Segala sifat Sultan Alauddin harus dicontohi oleh generasi muda dan para pentadbir seterusnya bagi mengekalkan keamanan negara bangsa. Keberanian baginda untuk berdepan dengan perompak memperlihatkan sikap bertanggungjawab baginda terhadap kerajaan dan rakyatnya. Selain itu, melalui peristiwa ini juga, Tun Seri Lanang menyindir segelintir pekerja yang tidak menjalankan tugas dan “curi tulang”, hal ini dapat dilihat dalam diri Temenggung Seri Maharaja yang tidak amanah kepada tugasnya yang dipertanggungjawabkan. Disebabkan kecuaiannya, para perompak bebas menjalankan aktiviti mereka ketika waktu malam di negeri Melaka.

Pelanggaran Waadat: Peminangan Puteri Gunung Ledang

Kisah peminangan Puteri Gunung Ledang dalam karya klasik ini merupakan satu peristiwa yang sarat dengan pengajaran moral. Dalam jurai keturunan Kesultanan Melayu Melaka, Sultan Mahmud Syah merupakan seorang sultan yang begitu banyak melakukan pelbagai aktiviti dan keputusan yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Melaka. Walaupun ketika pemerintahan Sultan Mahmud Syah, agama Islam telah berkembang pesat tetapi tingkah laku dan sifat peribadi baginda secara langsung bertentangan dengan hukum adat dan hukum Islam. Sultan Mahmud Syah merupakan seorang pemerintah yang memerintah Melaka berlandaskan hawa nafsu. Peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang diceritakan melalui petikan berikut, (A Samad Ahmad (ed), 2000:213),

Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau kita hendak beristerikan sama anak raja, raja yang lain adalah, yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain, itulah yang hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak menyuruh meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setia lah kita titahkan.

Perintah baginda menunjukkan bahawa, Sultan Mahmud mahu memperisterikan seorang wanita yang istimewa dan Puteri Gunung Ledang menjadi pilihannya. Namun, hasrat baginda tidak kesampaian apabila baginda gagal memenuhi syarat terakhir Puteri Gunung Ledang (A Samad Ahmad (ed), 2000:215),

Jikalau raja Melaka hendakkan aku perbuatkanlah aku jambatan emas satu dan jambatan perak satu, dari Melaka datang ke gunung ini. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk.

Syarat-syarat yang dikenakan oleh Puteri Gunung Ledang untuk menerima peminangan Sultan Mahmud Syah ini merupakan satu kritikan terhadap zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Syarat-syarat ini secara simbolik merupakan satu penentangan secara halus seorang rakyat yang tidak mahu menuruti tuntutan seorang raja yang berdaulat. Walaupun Sultan Mahmud Syah berjaya menyediakan segala syarat Puteri Gunung Ledang dengan menzalimi dan menyiksa rakyat jelata tetapi baginda tidak sanggup membunuh anaknya sendiri untuk memenuhi syarat terakhir iaitu semangkuk darah Raja Ahmad. Sultan Mahmud Syah telah menyediakan 7 dulang hati nyamuk, 7 dulang kuman, air mata satu tempayan dan

air pinang muda satu tempayan, semua ini jelas menunjukkan betapa dalam zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah rakyat menderita dengan penyakit dan kesengsaraan hidup. Baginda menjadi pemerintah yang zalim untuk memenuhi syarat-syarat ini. Baginda sanggup memaksa rakyat dan tanah jajahannya untuk memenuhi syarat-syarat tersebut. Bagi menyediakannya tuntutan Puteri Gunung Ledang, memerlukan pengorbanan rakyat termasuk harta benda dan nyawa. Baginda menjadi tidak bertanggungjawab dan alpa akan tanggungjawabnya sebagai sultan yang seharusnya menjaga kebajikan rakyat dan negaranya.

Tun Seri Lanang memasukkan mitos peminangan puteri Gunung Ledang ini sebagai satu pengajaran moral kepada golongan atasan supaya tidak menindas orang bawahan disebabkan kepentingan diri sendiri. Sikap tamak haloba dan zalim Sultan Mahmud Syah telah dikritik secara simbolik oleh Tun Seri Lanang melalui watak wanita. Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah kuasa mutlak dipegang oleh golongan lelaki. Raja berkuasa mutlak dan segera perintah baginda tidak boleh dipersoalkan. Namun Puteri Gunung telah memecahkan kuasa baginda mempersoalkan pemerintahan baginda melalui syarat-syarat peminangan. Pengajaran moral yang disampaikan oleh Tun Seri Lanang melalui peristiwa ini ialah, sifat tamak dan pentingkan diri sendiri akan membawa padah kepada diri sendiri. Keinginan Sultan Mahmud Syah untuk memiliki wanita istimewa dan untuk itu sanggup menzalimi rakyat sama sekali bertentangan dengan waadat yang telah dipersetujui oleh golongan pemerintah dan diperintah sebelumnya. Sifat tamak Sultan Mahmud Syah yang boleh memiliki apa sahaja dengan wang dan kuasanya tidak dapat membeli cinta dan kasih sayang Puteri Gunung Ledang. Puteri Gunung Ledang merupakan satu simbol kepada keberanian dan kebijaksanaan. Selain menolak peminangan Sultan Mahmud Syah, beliau juga memberi satu pengajaran bahawa tidak semua di dunia ini boleh dibeli dengan kuasa dan harta benda. Kasih sayang Tun Mahmud terhadap anaknya menyebabkan baginda gagal memenuhi syarat peminangan yang terakhir, namun kasih sayang ini tidak diberi kepada rakyat jelatanya sehingga baginda sanggup menzalimi mereka.

Akibat Melanggar Waadat : Tamat Riwayat Tiga Orang Pembesar Negara

Pembunuhan keluarga Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir merupakan satu lagi peristiwa hitam dalam sejarah Kesultanan Melaka yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Melaka di tangan Portugis. Tidak dinafikan bahawa rasuah menjadi salah satu perkara yang penting diketengahkan dalam karya agung ini. Dalam *Sulalatus Salatin* unsur rasuah telah menggugat kestabilan politik Melaka. Rasuah yang diberikan oleh Raja Mendeliar kepada Laksamana Khoja Hassan adalah dalam bentuk emas, permata dan pakaian yang mahal-mahal. Ketika memberi rasuah ini, Raja Mendeliar telah menyampaikan aduan bahawa Bendahara Seri Maharaja hendak menderhaka kepada Sultan Melaka. Laksamana Khoja Hassan tanpa menyiasat kebenaran aduan ini telah menyampaikan kepada Sultan Mahmud Syah dan baginda pun tanpa menyiasat kebenaran aduan Raja Mendeliar telah menitahkan untuk membunuh Bendahara Seri Maharaja sekeluarga. Sultan Mahmud yang menyimpan dendam dengan Bendahara disebabkan bendahara tidak mempersembahkan anaknya Tun Fatimah sebelum dikahwinkan dengan Tun Ali menggunakan aduan Raja Mendeliar untuk membunuh bendahara dan keluarganya.

Peristiwa ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dan kesan mendalam kepada Sultan Mahmud yang menitahkan hukuman tersebut. Peristiwa yang berlaku ke atas keluarga Bendahara Seri Maharaja membawa satu pengajaran moral iaitu sebarang keputusan yang dibuat perlulah bersifat rasional dan menimbang baik buruknya dan perlu dirujuk atau diteliti terlebih dahulu. Hal ini disebabkan keputusan yang dibuat oleh seorang pemerintah mahupun pembesar akan memberi implikasi yang besar kepada rakyat dan negara. Kesan yang dapat dilihat dengan jelas disebabkan tindakan terburu-buru Sultan Mahmud Syah ialah

kehilangan seorang pentadbir yang cekap dan sistem pentadbiran Melaka semakin lemah tanpa Bendahara Seri Maharaja yang akhirnya membawa kepada kejatuhan kerajaan Melayu Melaka kepada Portugis pada kira-kira tahun 1511. Ketiadaan Bendahara Tun Mutahir menyebabkan struktur pentadbiran terutamanya keselamatan kerajaan Melaka menjadi lemah memandangkan Bendahara Seri Maharaja merupakan seorang bendahara yang arif dalam urusan pentadbiran luar dan dalam negeri.

Pengajaran moral yang dibawa oleh Tun Seri Lanang melalui peristiwa pembunuhan bendahara dan keluarganya ialah tidak terburu-buru mengikut nafsu dan penyesalan kemudian tidak berguna. Sultan Mahmud Syah amat menyesal kerana percaya dengan fitnah yang dibawa oleh Raja Mendaliar, Kitul dan Laksamana Khoja Hassan dan menitahkan untuk membunuh Seri Maharaja, Tun Hassan dan Seri Nara Diraja, "Maka Sultan Mahmud terlalu sangat menyesal diri baginda, oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu. Hatta maka Sultan Mahmud pun membuang kerajaan baginda." (A Samad Ahmad (ed), 2000:264)).

Sultan Mahmud Syah ketika berkelana di Kopak baginda sekeluarga kelaparan. Seri Wak Raja cucu bendahara Seri Maharaja telah mencuri nasi santapan baginda. Sebelum itu Seri Wak Diraja telah menyindir baginda dengan kata-kata yang menusuk hati, (A Samad Ahmad (ed), 2000:281), "Hei Seri Wak Raja, siapa yang membunuh bapa kita dan bersaudara, mati di Melaka itu? Raja mana? Bukankah raja ini.?" Mendengar kata-kata Seri Wak Diraja itu, Sultan Mahmud Syah amat menyesal dengan tindakan terburu-buru membunuh keluarga Bendahara Seri Maharaja. Tun Seri Lanang telah membawa para pembaca pada zaman lahirnya karya ini sehingga kini untuk berfikir sejenak, betapa keputusan yang diambil dalam keadaan fikiran yang tidak rasional akan membawa satu malapetaka yang besar. Kelemahan pentadbiran Sultan Mahmud Syah telah menggadaikan negara kota Melaka kepada Portugis.

RUMUSAN

Sulalatus Salatin sarat dengan unsur pengajaran moral yang sesuai untuk semua generasi sepanjang zaman. Dalam karya agung *Sulalatus Salatin*, Tun Seri Lanang telah mengajar tentang perilaku moral yang baik adalah dari akhlak dan sifat manusia itu sendiri. Walaupun Tun Seri Lanang banyak mengisahkan kebesaran dan keunggulan para pemerintah tetapi beliau turut menyelitkan unsur-unsur pengajaran moral dan pedoman melalui kisah-kisah cerita rakyat, mitos, dongeng dan legenda bagi mengkritik golongan pemerintah dan diperintah secara halus. Tugasnya sebagai seorang pengarang yang bertanggungjawab untuk mengajar perilaku moral jelas dilaksanakan oleh beliau. Pengajaran moral yang disampaikan dapat membentuk peribadi dan tingkah laku generasi yang membaca karya agung ini agar lebih sempurna. Tugasnya sebagai guru yang mengajar moral bukan sahaja ditujukan kepada golongan rakyat tetapi juga kepada golongan pemerintah sepanjang zaman. Pengajaran moral dalam karya ini dapat membina ketrampilan diri, bangsa dan negara serta tanggungjawab dalam usaha menjaga keamanan sesebuah kerajaan. Melalui karya agung ini juga Tun Seri Lanang telah mengajar bahawa kerjasama antara pihak pemerintah dan diperintah amat diperlukan. Jika salah satu pihak mengkhianati satu pihak lain maka kehancuran dan kemusnahan sebuah bangsa dan negara tidak dapat dielakkan. Kerjasama antara rakyat dan raja pasti akan menjanjikan kemakmuran sesebuah negara. Hal inilah yang cuba dicanangkan oleh Tun Seri Lanang melalui karya ini. Tun Seri Lanang menjadi guru sepanjang zaman. Teks *Sulalatus Salatin* telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa, kajian ilmiah asas sehingga doktor falsafah telah dijalankan di seantero dunia. Pengkaji tempatan dan Barat masing-masing menganalisis teks ini dari pelbagai aspek metodologi dan teori. Namun sehingga kini, tiada titik noktah untuk kajian terhadap teks ini.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad (Ed.). (2000). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, A. H. (2011). Sajak "Pulang Si Tenggang" Dalam Perspektif Historisisme Baru: The Poem Of "Si Tenggang Homecoming" From The New Historicism's Perspective. *Jurnal Pengajian Melayu (Jomas)*, 22(1), 1–17. Retrieved From <https://Jati.um.edu.my/Index.php/Jpm/Article/View/9647>
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (1996, Jun). 'Proses Individu dan Alat Cetak dengan Imej Pengarang Melayu Tradisional dan Moden.' *Dewan Sastera*, 26-41.
- Howard, J. (2017). *Form and history in American literary naturalism*. UNC Press Books
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Selangor: Pustaka Karya.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nassaji, H. (2015). 'Qualitative and descriptive research: Data type versus data analysis.' *Language Teaching Research*, 19(2), 129-132. [Qualitative and descriptive research: Data type versus data analysis \(sagepub.com\)](https://www.sagepub.com/journalsPermissions.nav?lang=en&path=/journals/10.1177/1539310115581111).
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1995, April). 'Suara-Suara Ingkar: Rakyat sebagai Individu dalam Karya-karya Melayu Klasik.' *Dewan Sastera*, 13.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1998, September). *Sejarah Melayu: Bukti Keutuhan Kepengarangan Tun Seri Lanang*. Dewan Sastera, 15-27.
- S. Othman Kelantan. (1995, Februari). 'Pengarang dan Kewartawanan Melayu.' *Dewan Sastera*, 52-53.